

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sumbangan  
hasil akuakultur dari setiap negeri dari tahun 2010 hingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merupakan peneraju utama kepada pembangunan dan pemodenan sektor perikanan negara. Selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), MAFI telah menetapkan misi bagi mengurus dan membangunkan sektor perikanan secara mapan, dinamik dan berdaya saing bagi memastikan bekalan makanan terjamin, pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan tidak terjejas.

Pada tahun 2020, sektor perikanan negara yang merangkumi perikanan tangkapan marin, perikanan darat dan akuakultur termasuk rumpai laut telah menghasilkan pengeluaran ikan sebanyak 1.87 juta tan metrik bernilai RM13.84 bilion. Dari jumlah pengeluaran ikan negara, subsektor akuakultur Malaysia telah menyumbang 22.4% iaitu sebanyak 400 tan metrik.

Sebanyak 76% daripada pengeluaran subsektor akuakultur ini adalah dari komoditi ternakan air payau yang mana 46% daripadanya adalah sumbangan pengeluaran rumpai laut sebanyak 182,061 tan metrik dengan nilai RM58 juta. Selain itu, 30% sumbangan adalah daripada spesies ternakan akuakultur air payau yang lain seperti udang, ikan dan kerang-kerangan iaitu sebanyak 120,746 tan metrik bernilai RM2.28 bilion. Komoditi akuakultur ikan air tawar menyumbang sebanyak 24% kepada pengeluaran keseluruhan sebanyak 97,210 tan metrik dengan nilai RM766 juta.

Pengeluaran dari subsektor akuakultur dari tahun 2010 menunjukkan penurunan sebanyak 31% iaitu 581 ribu tan metrik berbanding 400 tan metrik pada tahun 2020. Penurunan kuantiti pengeluaran subsektor akuakultur negara umumnya adalah disebabkan pelbagai faktor luar kawalan antaranya masalah harga, pemasaran, penyakit dan kualiti benih. Walau bagaimanapun dari segi nilai, terdapat

**SOALAN NO : 388**

peningkatan sebanyak 15% kepada RM3.11 bilion pada tahun 2020 berbanding RM2.7 bilion pada tahun 2010.

Bencana alam seperti taufan Lekima juga merupakan faktor yang menyebabkan penurunan kepada pengeluaran ternakan ikan dalam sangkar terutamanya di Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Johor. Kejadian taufan ini mengganggu kitaran hidup ikan seperti perubahan suhu dan arus secara mendadak, kandungan nutrien dan lain-lain.

Selain itu, penurunan subsektor akuakultur adalah juga disebabkan pengeluaran rumpai laut yang menurun. Berlaku penurunan pengeluaran rumpai laut yang mendadak di negeri Sabah yang berpunca daripada dua (2) kilang utama pembeli rumpai laut telah berhenti beroperasi dan tidak lagi membeli rumpai laut kering daripada penanam tempatan. Berikutan itu pengusaha rumpai laut kurang berminat untuk meneruskan aktiviti ini dan mengakibatkan hasil pengeluaran rumpai laut terjejas.

Jadual pengeluaran akuakultur (tan metrik) mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2020 adalah seperti berikut:

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Perlis	505.15	185.39	241.95	522.9	416.58	535.92	420.65	703.74	614.42	569.37	583.55
Kedah	8,696.43	6,435.24	6,631.96	9,859.95	8,598.97	6,683.98	6,452.45	7,343.77	10,169.15	12,482.87	11,945.02
Pulau Pinang	38,123.54	39,504.68	39,492.10	41,051.25	68,050.25	58,736.40	30,226.52	45,742.98	29,027.05	35,312.17	37,030.13
Perak	118,510.85	89,897.26	123,288.64	81,761.44	56,778.65	55,410.94	55,638.38	61,328.97	67,489.13	72,620.06	65,191.76
Selangor	68,046.45	52,156.26	35,756.58	29,645.48	34,302.65	26,144.74	23,009.46	20,386.86	19,253.81	21,243.00	20,702.16
Negeri Sembilan	10,286.40	8,604.92	7,999.03	8,812.44	7,593.90	7,277.58	5,261.25	4,874.07	4,730.22	4,675.10	4,152.69
Melaka	14,026.00	7,389.35	8,090.38	9,015.79	8,040.19	8,798.75	4,459.11	8,000.71	6,334.48	3,738.50	3,688.78
Johor	46,474.59	28,821.48	26,801.34	23,927.36	22,640.18	25,368.74	26,442.18	24,019.70	31,380.89	15,720.32	19,755.37
Pahang	21,620.77	13,557.33	12,585.47	15,143.70	15,545.62	13,609.09	14,010.32	12,557.35	12,569.02	14,002.15	15,214.01
Terengganu	5,637.06	5,266.25	8,369.46	6,142.57	8,041.33	7,170.27	8,540.05	8,813.55	5,350.75	4,468.78	5,124.15
Kelantan	2,963.32	2,105.72	2,642.26	3,519.33	4,310.41	4,597.64	3,979.63	6,167.58	5,915.37	6,449.60	6,022.19
Sarawak	11,553.19	11,988.49	12,487.66	13,288.70	15,355.23	10,374.24	7,354.77	7,289.78	7,444.38	11,246.48	16,178.99
Sabah	234,604.66	260,595.03	349,983.57	287,502.66	270,831.38	281,742.18	221,560.39	219,785.77	191,185.11	209,248.36	194,426.39
W.P. Labuan	-	-	5.99	10.88	9.55	14.78	2.15	0.6	1.39	1.36	0.71
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>581,048.41</b>	<b>526,507.40</b>	<b>634,376.39</b>	<b>530,205.05</b>	<b>520,514.88</b>	<b>506,465.25</b>	<b>407,387.31</b>	<b>427,015.43</b>	<b>391,465.16</b>	<b>411,782.14</b>	<b>400,017.59</b>

Sekian, terima kasih.